

KEHIDUPAN DAN MASALAH ORANG ASLI DI  
SEMENANJUNG MALAYSIA. SATU TINJAUAN AWAL  
MASYARAKAT ORANG ASLI DI PULAU LUMUT.

Oleh

RAJA FAHRULNIZAM RAJA FUADDIN  
SAFARRUDIN MOHAMED  
SHARIFAH ROHAIZAM SYED OTHMAN  
ZARINAH MOHAMED YATIM

Kertas Projek Yang Dikemukakan Kepada Kajian  
Pentadbiran dan Undang-undang, Institut  
Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor Untuk  
Memenuhi Sebahagian Dari Syarat Untuk  
Memperolehi Diploma Pentadbiran Awam.

Abstrak

Kami siswa-siswi tahun akhir Diploma Pentadbiran Awam dari Kajian Pentadbiran dan Undang-undang memilih tajuk ini untuk mengenali masyarakat Orang Asli dengan lebih dekat. Sekaligus kami juga ingin mendedah tentang kehidupan dan masalah-masalah yang mereka hadapi kepada masyarakat umum di Malaysia. Selain daripada itu, peranan yang dimainkan oleh JHEOA juga akan turut dikaji khususnya peranan JHEOA Selangor. Bidang kajian kami ini akan ditumpukan kepada kawasan perkampungan Orang Asli yang bertempat di Kampung Sungai Chandong. Kaedah yang kami gunakan dalam kajian kami adalah meliputi kaedah data primer dan data sekunder. Hasil dari metodologi yang kami gunakan dan juga kajian yang telah dijalankan, dap[at]lah kami membuat beberapa rumusan serta kesimpulan. Kami dapati bahawa masyarakat Orang Asli khususnya di Pulau Lumut adalah masih lagi berada di takuk lama walaupun negara kita sudah lama mencapai kemerdekaan. Nasib Orang Asli sebagai peribumi yang tidak terbela di negara sendiri haruslah diubah. Selain daripada sikap masyarakat umum yang tidak mengambil berat tentang Orang Asli juga haruslah diubah. Ini adalah untuk menyahut seruan yang telah diucapkan oleh Perdana Menteri kita bagi mewujudkan masyarakat penyayang.

## KANDUNGAN

SEKAPUR SIREH

PENGHARGAAN

ABSTRAK

SENARAI RAJAH

CADANGAN KAJISELIDIK

TAJUK-TAJUK BAB-BAB KERTAS PROJEK

BAB 1 LATARBELAKANG ORANG ASLI DI SEMENANJUNG MALAYSIA

1.1 Orang Asli Senoi

1.2 Orang Asli Negrito

1.3 Orang Melayu Asli

1.4 Adat resam dan pantang larang Orang Asli

1.5 Perayaan ugama, kebudayaan dan sosial

Orang Asli

BAB 2 ORANG ASLI DI PULAU LUMUT

2.1. Pulau Lumut secara am

2.2 Perkampungan Orang Asli

## 1.0 LATARBELAKANG ORANG ASLI DI SEMENANJUNG MALAYSIA

Mengikut banci yang dikendalikan oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dalam tahun 1991, penduduk-penduduk Orang Asli Malaysia adalah berjumlah seramai 56,927 orang. Dari segi ethnolinguistik, mereka ini terbahagi kepada 3 kumpulan besar. Kumpulan sukubangsa tersebut terdiri daripada Senoi, Melayu Asli (Proto-Malays) dan Semang Negrito. Dari sukubangsa itu terbahagi pula kepada kumpulan-kumpulan yang lebih kecil iaitu terdapat sebanyak 18 kumpulan kecil yang tinggal berselerak diseluruh Semenanjung Malaysia. Orang Asli Negrito tinggal di bahagian Utara Semenanjung Malaysia. Orang Asli Senoi pula menetap di bahagian Tengah dan Melayu Asli pula tinggal di bahagian selatan di Semenanjung Malaysia. Kumpulan-kumpulan ini tidak sama diantara satu dengan lain. Perbezaan-perbezaan boleh ditunjukkan melalui perkara-perkara seperti corak penempatan dan perumahan, sikap sosial dan pandangan terhadap dunia luar, sistem kepercayaan, corak ekonomi, corak kepimpinan, pembalasan sosial (Social Sanction) serta bahasa dan loghat.

## 1.1 ORANG ASLI SENOI

Orang Asli Senoi adalah terdiri daripada suku kaum Semai yang mendiami kawasan Selatan Perak dan Barat Laut Pahang, Temiar yang mendiami di kawasan Utara Perak dan Selatan Kelantan, Che Wong dan Jahut yang mendiami di kawasan Pahang Tengah, Semoq Beri yang mendiami di kawasan Pahang Tengah, Trengganu dan kawasan-kawasan pantai dan Mah Meri yang mendiami di kawasan Selangor iaitu di kawasan-kawasan pantai.

Orang Asli Senoi mempunyai kulit yang cerah dan rambutnya tidak begitu kerinting serta mempunyai susuk badan yang tegap<sup>1</sup>. Mereka dipercayai berasal dari Mon-Andaman di mana terdapat persamaan dari segi percakapan dengan puak bukit yang sekarang terdapat di Cambodia dan Vietnam<sup>2</sup>. Ada teori yang mengatakan bahawa Orang Asli Senoi berasal dari India Selatan kerana perwatakan mereka yang sama dengan penduduk di situ.

Struktur organisasi sosial bagi kaum Senoi agak

---

<sup>1</sup> Skeat and Blagden. Pagan Races of Malay Peninsula, Vol 11906, m.s. 176

<sup>2</sup> Iskandar Carey. Orang Asli m.s. 18